

SOALAN NO. : 43

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 19/10/2015 (Isnin)

RUJUKAN : DR004

SOALAN :

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan punca berlakunya jerebu di Indonesia dan sama ada syarikat-syarikat yang dikatakan menyebabkannya sudah pun dikenal pasti. Sekiranya ya, nyatakan nama syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Punca berlakunya kejadian jerebu di negara kita semanjak 22 Ogos lalu adalah disebabkan oleh jerebu merentas sempadan berikutan angin Monsun Barat Daya yang membawa pencemaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Sehubungan dengan itu, maklumat syarikat-syarikat yang telah menyebabkan pembakaran terbuka di Indonesia, perkara ini masih dalam siasatan oleh pihak Indonesia.

Sekian, terima kasih.